

RISDA Negeri Sembilan: Berjaya Meningkatkan Sosio-Ekonomi Pekebun Kecil.

USAHA gijih RISDA Negeri Sembilan dalam melaksanakan pembangunan sosio ekonomi masyarakat sektor pekebun kecil telah mendapat keyakinan dan kepercayaan oleh masyarakat pekebun kecil. Di atas kesedaran dan kerjasama pekebun kecil, RISDA telah berjaya mewujudkan satu masyarakat pekebun kecil yang maju dan 'efficient'.

RISDA Negeri Sembilan telah merancang satu pendekatan yang merangkumi semua aspek pembangunan pekebun kecil yang mana penumpuan ditekankan kepada aspek-aspek:-

- Peningkatan hasil pengeluaran getah pekebun kecil melalui rancangan tanam semula/ tanaman baru serta penggunaan klon yang bermutu tinggi dan sistem penjagaan kebun mengikut amalan pertanian moden.
- Mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pekebun kecil untuk meluaskan lagi sumber pendapatan pekebun kecil.
- Memperbaiki mutu dan pengeluaran pekebun kecil dengan penyediaan kemudahan tempat memproses dan pemasaran.

TANAM SEMULA

Di seluruh Negeri Sembilan terdapat seluas 72,809.3 hektar berdaftar dengan RISDA yang dimiliki oleh seramai 34,701 orang. Dari keluasan tersebut setakat 31 Disember 1981 seluas 56,003.2 hektar telah ditanam semula/tanam baru/TS kali kedua dengan melibatkan seramai 29,431 orang pekebun kecil.

Bagi memudahkan pengurusan dan pembangunan tanah pekebun kecil di samping mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja, RISDA telah menjalankan rancangan tanam semula berkelompok di mana setakat 31hb. Disember, 1981 sebanyak 22 buah rancangan tanam semula berkelompok yang meliputi keluasan 419 hektar dengan peserta seramai 320 telah dijayakan.

RISDA Negeri Sembilan juga telah menjayakan sebanyak 12 mini estet yang mempunyai keluasan 716.28 hektar dimiliki oleh seramai 482 orang peserta.

Pada awal tahun 1981 Kerajaan telah melancarkan Skim Penggalak Tanam Semula (SEPENTAS) dengan tujuan untuk menggalakkan pekebun kecil yang daif dan tidak dapat menanam semula oleh kerana pulus mata pencarian semasa pokok-pokok getah ditebang serta masalah-masalah sosial.

Pekubun kecil yang memiliki kurang daripada 4.47 hektar mendapat kredit sara hidup sebanyak \$100/- sebulan semasa kebun mereka ditanam semula dengan getah dan belum matang untuk ditoreh.

Kebun-kebun kecil yang memiliki 2.02 hektar diberi saham dengan nisbah supaya pendapatan minima pekebun kecil berkenaan sekurang-kurangnya sama dengan hasil pengeluaran 2.43 hektar.

Usaha-usaha bagi menumpukan aktiviti program SEP-ENTAS telah dilipatgandakan di mana RISDA Negeri Sembilan telah diberi matlamat sebanyak 1,093 bilangan permohonan dengan keluasan 1,493.9 hektar.



POKOK-pokok getah ditanam semula telah mula mengeluarkan hasil.

Bagi tujuan meningkatkan hasil pengeluaran getah pekebun kecil RISDA Negeri Sembilan telah mengadakan rancangan subsidi input pertanian seperti penggalak susu, baja, kimia, rumput, kacang penutup bumi, tanaman kontan.

Rancangan subsidi pemulihan Tanam Semula dijalankan adalah bertujuan untuk memulihkan kebun yang telah tertahan bantuan oleh sebab-sebab tertentu. Setakat 31hb. Disember, 1981 seluas 299.5 hektar kebun telah diluluskan dengan melibatkan 264 orang pekebun kecil.

Melalui rancangan tanam semula yang pesat serta penggunaan benih-benih bermutu, pengeluaran hasil pekebun kecil di Negeri Sembilan telah meningkat dari 79,571.7 tan metrik dalam tahun 70an kepada 96,478 tan metrik dalam tahun 1980.

Pengeluaran hasil susu getah juga telah meningkat dari 400kg/hektar dalam tahun 60an kepada 1000kg/hektar dalam tahun 80an.

Bagi meluaskan sumber pendapatan pekebun-pekebun kecil, aktiviti-aktiviti seperti menjalankan projek tanaman kontan, ternakan, kedai runcit, dan bengkel perabot telah dilaksanakan.

Bagi melaksanakan rancangan-rancangan untuk meningkatkan mutu pengeluaran, tempat memproses dan pemasaran hasil pengeluaran pekebun kecil telah disediakan.

Penubuhan Pusat Pembangunan Pekebun Kecil adalah satu cara pendekatan yang digunakan oleh RISDA untuk membangunkan pekebun kecil dan PPPK adalah merupakan 'nucleus' dan penggerak kepada masyarakat pekebun kecil dalam mengusahakan penglibatan untuk



SALAH sebuah rumah asap RISDA di Negeri Sembilan bagi memperbaiki mutu getah pekebun kecil.



AHLI-ahli PWPK sedang menjalankan salah satu aktiviti mereka iaitu membuat mee.

meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Melalui PPPK, RISDA dapat memperkembangkan aktiviti-aktiviti dengan pesat serta meliputi lebih ramai pekebun kecil jika dibandingkan dengan cara persaorangan.

Buat masa ini terdapat sebanyak 189 buah PPPK dengan jumlah ahli seramai 4415 orang.

Di PPPK pekebun-pekebun kecil dapat memproses getah mereka secara berkelompok dan dapat mengeluarkan getah yang bermutu tinggi dan menambahkan lagi pendapatan mereka.

Pekubun-pekebun kecil juga telah berjaya menubuhkan koperasi-koperasi di peringkat daerah dan juga negeri.

Koperasi-koperasi pekebun-pekebun kecil telah bersatu untuk menubuhkan koperasi di peringkat nasional. Penubuhan koperasi adalah bertujuan untuk mengembeling tenaga pekebun kecil yang berselerak supaya dapat disatukan.

RISDA Negeri Sembilan juga telah menjalankan aktiviti pemasaran bagi memasarkan pengeluaran hasil-hasil pekebun kecil.

Untuk menjamin mutu pengeluaran RISDA telah membina rumah-rumah asap pusat. Buat masa ini terdapat 2 buah rumah asap, pusat dan terdapat juga sebuah mesin pembasuh getah telah dibekalkan oleh RISDA.

Dengan adanya rumah-rumah asap ini maka pekebun kecil dapat mengeluarkan gred getah yang bermutu dan ini akan dapat memberi harga yang baik kepada pekebun kecil.

Bagi kawasan-kawasan yang belum ada PPPK, RISDA

telah mengadakan depo-depo pembelian bagi membeli hasil-hasil pengeluaran pekebun kecil.

Buat masa ini terdapat sebanyak 13 buah depo pembelian dan RISDA Negeri Sembilan merancang lebih banyak lagi depo-depo pembelian.

RISDA Negeri Sembilan juga mengadakan program tenaga manusia dalam usaha membangunkan sosial dan pelajaran dalam masyarakat pekebun kecil.

Pekubun-pekebun kecil telah diberi latihan bagi membolatkan mereka menggunakan teknologi baru dan teknik-teknik pengurusan ladang.

Wanita-wanita pekebun kecil kecil juga telah membina Pertumpulan Wanita Pekebun Kecil dalam usaha menyatupadukan mereka. Sebagai-bagai aktiviti telah dijalankan oleh pertumpulan ini seperti memproses mee dan membuat kueh kering.

Dalam usaha meningkatkan mutu pelajaran anak-anak pekebun kecil RISDA telah memberi biasiswa kecil kepada pelajar-pelajar dari tingkatan I - IV di mana dalam tahun 1981 sebanyak 880 biasiswa telah ditawarkan. Buat masa ini terdapat 3 buah telah didirikan bagi membina anak-anak pekebun kecil yang tinggal jauh dari sekolah.

Dalam RME RISDA Negeri Sembilan sentiasa berusaha dan merancang untuk memodenkan sektor pekebun kecil dan akan menarik beratkan dari segi peningkatan kualiti serta memperbaiki mutu pengeluaran pekebun kecil.

meluaskan punca pendapatan dan menambah bilangan estasi-estasi pekebun kecil dalam arus pembangunan di Negeri Sembilan.

TAHNIAH

DAN SELAMAT MAJU JAYA

Kepada

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DI ATAS PENCAPAIAN YANG TINGGI DALAM RANCANGAN PEMBANGUNANNYA

Daripada:



MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN NEGERI SEMBILAN

Wisma Perbandaran, Jalan Paul, Seremban.

Tel: Pejabat Am: 73381 - 73382

Timbalan Yang Di-Pertua.